



**FAKULTI PENDIDIKAN DAN BAHASA
PROGRAM PRA SARJANA MUDA (KDP 14 MINGGU)
(SEMESTER JULAI 2008)**

**HBEF2103 PSIKOLOGI PENDIDIKAN
TUGASAN (20%)**

ARAHAN

1. Tugas individu ini mempunyai EMPAT soalan. Jawab semua soalan.
2. Tugas akan dinilai berdasarkan kepada huraian yang tepat dan menepati kehendak soalan disokong oleh hujah-hujah dan rujukan kepada sumber yang boleh dipercayai .
3. Taipkan tugas anda dengan menggunakan font "Arial" saiz 12 dilangkau baris 1.5 pada kertas bersaiz A4..
4. Serahkan tugas anda kepada tutor sebelum atau selewat-lewatnya pada **10 Oktober 2008**.
5. Tugas ini menyumbang sebanyak **20%** kepada gred akhir kursus.
6. Plagiarisme dalam apa jua bentuk adalah dilarang sama sekali. Pelajar yang menyerahkan tugas yang diplagiatkan tidak akan diterima.

SOALAN TUGASAN

Pembelajaran berlaku setiap ketika dan di mana sahaja. Bagaimana proses pembelajaran ini berlaku boleh dijelaskan dengan teori pembelajaran yang dikemukakan oleh Skinner, Pavlov, Bandura dan lain-lain.

Untuk tugas ini, anda perlu memahami setiap teori pembelajaran yang berkenaan dengan membaca modul dan lain-lain sumber jika perlu sebelum menjawab soalan-soalan berikut.

1. Bayangkan bagaimana tiga teori pembelajaran berikut dapat diaplikasikan di dalam bilik darjah (di mana pembelajaran telah dirancang) dan di luar bilik darjah (di mana pembelajaran tidak terancang).
 - a. Teori Pembelajaran Kognitif
 - b. Teori Pembelajaran Gestalt
 - c. Teori Pembelajaran Gagne

Untuk setiap teori di atas, jelaskan salah satu prinsip utama yang paling berkaitan dengan contoh yang akan anda beri sebagai contoh aplikasi teori tersebut. Contoh ini adalah apa yang telah anda perhatikan sendiri dalam kedua-dua situasi tersebut. Sila berikan jawapan anda dalam bentuk jadual seperti di bawah.

Teori	Prinsip dan Penjelasan	Contoh
Teori Pembelajaran Kognitif		Di dalam bilik darjah:
		Di luar bilik darjah:
Teori Pembelajaran Gestalt		Di dalam bilik darjah:
		Di luar bilik darjah:
Teori Pembelajaran Gagne		Di dalam bilik darjah:
		Di luar bilik darjah:

(6 markah)

2. Teori kooperatif juga merupakan teori pembelajaran.

(a) Jelaskan teori ini.

(b) Fikirkan tentang pedagogi pembelajaran teradun ("*blended learning pedagogy*") yang diamalkan OUM (pembelajaran bersemuka, pembelajaran atas talian dan pembelajaran sendiri). Untuk setiap mod pedagogi tersebut, jelaskan bagaimana teori pembelajaran konstruktivisme telah diaplikasikan. Berikan contoh dan ceritakan tentang pengalaman anda sebagai seorang pelajar semasa mengalami proses pembelajaran tersebut. Sila berikan jawapan anda dalam bentuk jadual di bawah.

Pembelajaran teradun OUM	Contoh pembelajaran kooperatif
Pembelajaran bersemuka	
Pembelajaran atas talian	
Pembelajaran sendiri	

(6 markah)

3. Terdapat juga teori yang dikemukakan oleh John Dewey, William H. Kilpatrick dan John Childs. Teori mereka ialah teori pembelajaran "**PROGRESSIVISM**" khusus untuk era masa kini. Untuk pengetahuan anda, teori ini tidak terkandung di dalam modul. Walau bagaimanapun, anda boleh mendapat sumber yang mencukupi dalam Internet. Gunakan tapak web
- i. <http://people.morehead-st.edu/fs/w.willis/fourtheories.html>,
 - ii. <http://www.iep.utm.edu/d/dewey.htm>,
 - iii. <http://www.bookrags.com/biography/william-h-kilpatrick/> dan
 - iv. <http://education.stateuniversity.com/pages/1830/Childs-John-L-1889-1985.html>

sebagai titik permulaan. Anda boleh gunakan Google atau enjin pencari yang lain untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang pembelajaran "connectivist" daripada Internet.

(a) Rumuskan apa teori "progressivist" ini.

(b) Adakah anda bersetuju dengan penjelasan teori ini memandangkan 50 peratus rakyat Malaysian mempunyai akses ke Internet? Sila jelaskan.


(4 markah)

4. Abraham Maslow telah mengemukakan teori yang mengandaikan bahawa manusia tidak pernah puas dengan apa yang telah dicapai. Beliau telah membahagikan kehendak-kehendak manusia kepada lima peringkat yang disusun mengikut hirarki (lihat Rajah 1), iaitu daripada peringkat rendah ke peringkat atas.

Pilih dua orang pelajar, sahabat atau anak anda untuk dijadikan kajian kes. Anda diminta memerhati dan menemuduga ketiga-tiga individu pilihan anda.

Berdasarkan hirarki Maslow, ceritakan antara motivasi yang wujud dalam kehidupan individu pilihan anda.

Bagi setiap kes yang dikaji, berikan latarbelakangnya, tahap pencapaiannya dalam hirarki keperluan Maslow, apakah yang masih ingin dicapai mengikut analisis anda dan yang paling penting, apakah yang ada pada mereka yang membolehkan mereka mencapai tujuan mereka ini.



Rajah 1. Hirarki Keperluan Maslow

(4 markah)

[Jumlah: 20 markah]

PANDUAN PELAJAR

1. Rujukan kepada modul dan sumber-sumber bercetak lain atau sumber dalam Internet yang boleh dipercayai (contohnya sumber yang disediakan oleh orang atau organisasi yang mempunyai reputasi yang baik) diperlukan untuk memahami konsep sebelum pelajar dapat memberi contoh yang tepat dan sesuai. Sila jangan gunakan Wikipedia sebagai sumber rujukan.

PANDUAN TUTOR

1. Tutor adalah diminta agar dapat membimbing para pelajar semasa penyediaan tugasannya, memberi satu dua tapak web sebagai rujukan pelajar.
2. Tutor adalah diminta memeriksa dan menanda tugasannya pelajar dan seterusnya memberi markah dan memasukkan markah ke dalam OMES selewat-lewatnya pada tarikh yang telah ditetapkan oleh OUM.